

**UCAPAN  
Y.BHG. KOL. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN OLAHRAGA KE-11 & LIGA SUKAN 2009  
PADA  
20HB FEBRUARI 2009 (JUMAAT)  
JAM 8.00 MALAM  
BERTEMPAT DI  
STADIUM UMS**

## **SALUTATION**

Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Sanudin Hj. Tahir  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Rosnah Ismail  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Amran Ahmed  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS  
Merangkap Pengerusi Majlis Sukan UMS

En. Abdullah Hj. Mohd. Said  
Pendaftar

Tn. Hj. Rizal Othman  
Bendahari

Pn. Dayang Rukiah Ag. Amit  
Pemangku Ketua Pustakawan

Dekan-dekan / Pengarah-pengarah / Ketua-ketua Unit / Pengetua-pengetua Kolej  
Kediaman

Sdra. Azrul Ibrahim  
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar beserta Barisan Kepimpinan MPP

Para Kakitangan Universiti Malaysia Sabah

Mahasiswa Yang Dikasihi Sekalian

***Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera***

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmatNya dapatlah kita bersama-sama pada malam ini bagi menjayakan Majlis Perasmian Kejohanan Olahraga Ke-11 dan Liga Sukan UMS 2009 yang merupakan program tahunan bagi seluruh warga universiti dalam usaha membudayakan gaya hidup sihat dan seterusnya melahirkan warga yang sentiasa ceria.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada barisan jawatankuasa yang telah berusaha dengan gigih bagi memastikan penganjuran kejohanan ini dapat dijalankan dengan lancar dan teratur. Penglibatan dari kalangan pelajar dan kakitangan dalam menjayakan kejohanan ini merupakan usaha murni dalam memupuk semangat kekeluargaan yang kukuh.

Pada kejohanan kali ini, saya difahamkan bahawa Kejohanan Olahraga melibatkan penglibatan pelajar-pelajar di semua kolej-kolej kediaman, UMS-KAL dan kakitangan dan bagi kejohanan Liga Sukan UMS pula, penglibatan adalah dari kalangan pelajar Sekolah yang akan bertanding dalam beberapa acara sukan. Ini membuktikan bahawa kita sentiasa menggalakkan penglibatan ramai pelajar dalam acara sukan untuk melahirkan pelajar yang cergas dan cerdas.

Hadirin dan hadirat sekalian

Peluang berada dalam UMS ini seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin oleh para mahasiswa untuk melibatkan diri dalam penganjuran sukan samaada sebagai penganjur mahupun sebagai peserta di samping membantu meningkatkan pembangunan sukan di negara kita dan di Universiti Malaysia Sabah khasnya. Penglibatan aktif dalam bidang sukan mampu membantu melahirkan warga yang sihat serta berdaya saing selain dapat meningkatkan prestasi dalam apa jua bidang yang diceburi. Selain itu, amalan bersukan dan gaya hidup sihat ini memberi faedah kepada kecergasan fizikal yang seterusnya memanfaatkan diri, organisasi dan Negara amnya.

Melalui beberapa kajian yang telah dijalankan didapati bahawa sukan juga dapat mengelakkan seseorang daripada terkena pelbagai serangan penyakit seperti strok, diabetes, darah tinggi dan barah. Ini kerana kegiatan bersukan ini dapat membantu dalam peningkatan pengaliran darah dalam badan yang seterusnya menjadikan seseorang itu cergas dan kelihatan sentiasa bertenaga. Ini menunjukkan bahawa amalan bersukan dan menjadikan gaya hidup cergas itu sebagai budaya dalam diri setiap pelajar dan kakitangan UMS adalah diperlukan dalam memastikan kesinambungan kejayaan UMS di masa depan.

Para Hadirin Sekalian,

Sebagai tanda sokongan dalam memupuk dan membudayakan cara hidup yang sihat, pihak Universiti sentiasa memberikan sokongan samaada dalam bentuk latihan, peruntukan mahupun peningkatan prasarana. Ini bagi memastikan agar warga UMS sentiasa menerima ruang yang secukupnya untuk terus aktif dalam bidang sukan ini. Sokongan ini diteruskan dan ditingkatkan di masa-masa akan datang selain memberikan insentif yang sewajarnya kepada atlit yang berjaya mengharumkan nama universiti di pelbagai peringkat.

Oleh itu, saya mengharapkan agar para atlit yang bertanding pada kali ini akan memanfaatkan ruang yang ada bagi berusaha dengan gigih untuk menjadi 'JUARA' dan menonjolkan bakat yang dimiliki. Penganjuran kejohanan sebegini juga akan ditambahkan lagi di masa depan bagi membantu melahirkan lebih ramai atlit yang mampu diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi.

Hadirin dan hadirat sekalian

Adalah menjadi harapan pihak universiti agar kejohanan pada kali ini akan mencapai objektif yang telah disasarkan dan menjadi landasan dalam meletakkan nama UMS sebagai 'pengeluar' atlit yang cemerlang dan penyumbang kepada kejayaan negara di masa depan. Para atlit yang mengambil bahagian diharapkan agar bertanding dengan penuh semangat kesukanan dan kekitaan bagi memupuk warga yang sihat, cergas dan cerdas.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada barisan jawatankuasa pengelola yang telah dan akan berusaha dengan gigih bagi menjayakan kejohanan ini. Tahniah juga kepada pasukan yang akan berjaya dan kepada yang kalah diharapkan agar menjadikan kejohanan ini sebagai platform untuk berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan kejayaan yang lebih cemerlang di penganjuran akan datang.

Dengan lafaz suci, *Bismillahir Rahmannir Rahim*, saya merasmikan Kejohanan Olahraga ke-11 dan Liga Sukan 2009 ini.

**MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA.**

*Sekian, Assalamualaikum w.b.t.*